


# Matrix Concepts untung RM64 juta

**PETALING JAYA** – Untung bersih pemaju harta tanah, Matrix Concepts Holdings Berhad (Matrix Concepts) melonjak sebanyak 26.6 peratus kepada RM64 juta bagi suku tahun kewangan keduanya yang berakhir pada 30 September lalu, ketika Kumpulan terus membina momentum positif setelah berjaya menyelesaikan sepenuhnya isu kekurangan tenaga kerja yang dialami tahun lepas.

Hasil meningkat 61.6 peratus daripada RM222.4 juta pada suku sama tahun sebelumnya kepada RM359.4 juta, didorong oleh prestasi teguh bahagian pembangunan harta tanah, yang merekodkan hasil RM350.3 juta.

Sementara unit perniagaan lain, iaitu pendidikan dan hospitaliti menyumbang RM9.1 juta kepada hasil. Ia sembilan peratus lebih rendah daripada tahun sebelumnya disebabkan pengurangan sumbangan daripada hospitaliti, meskipun bahagian pendidikan merekodkan peningkatan marginal.

Setakat 30 September 2023, jualan belum dibil Kumpulan berjumlah RM1.3 bilion, yang akan diiktiraf dalam tempoh 15



**MOHAMAD HASLAH (kanan)** bersama Pengasas dan Timbalan Pengurus Eksekutif Kumpulan Matrix Concepts, Datuk Seri Lee Tian Hock optimis akan pertumbuhan masa depan Kumpulan.

hingga 18 bulan akan datang. Pengerusinya, Datuk Mo-

hamad Haslah Mohamad Amin berkata, ketangkasan dalam

menyesuaikan diri dengan dinamik pasaran dan memanfaatkan

permintaan teguh untuk tawaran rumah premium mampu milik meletakkan Kumpulan di barisan hadapan dalam sektor pembangunan harta tanah.

“Dengan portfolio pelbagai di seluruh unit perniagaan kami dan usaha yang berjaya dalam projek antarabangsa, kami berada pada kedudukan baik untuk pertumbuhan yang mampan.

“Ini memberi kami dorongan untuk lebih optimistik pada pengembangan masa depan, termasuk pembangunan perbandaran kami yang akan datang di Malaysia Vision Valley 2.0 di Negeri Sembilan,” katanya dalam satu kenyataan semalam.

Kumpulan mengisyiharkan dividen interim kedua sebanyak 2.5 sen sesaham bagi tahun kewangan berakhir pada 31 Mac 2024, dengan tarikh akhir dividen pada 21 Disember 2023 dan tarikh pembayaran pada 10 Januari 2024.

Dividen kumulatif bagi separuh pertama tahun kewangan 2024 berjumlah lima sen sesaham, melibatkan pembayaran sebanyak RM62.6 juta, atau 49.3 peratus daripada keuntungan selepas cukai.